

Islam dan Peperangan

Kita mengetahui bahawa sebab-sebab kejayaan Islam yang menakluki dan menawan setiap hati orang-orang kafir dan musyrikin Arab di zaman Rasulullah bukanlah kerana ketajaman mata pedang, ataupun menggunakan dasar serang dan perang, atau perang kemudian takluk, “*war and conquer*” seperti yang dipraktikkan oleh China Komunis, ataupun pecah-pecahkan kemudian perintah “*divided and rule*” seperti yang dipraktikkan oleh penjajah-penjajah Barat. Kejayaan Islam bukan menggunakan paksaan dan kekuatan tentera-tentera Arab yang ada pada Islam. Malah peperangan itu hanya dihalalkan pada tempat-tempat yang tertentu sahaja. Manakala sebahagiannya adalah diharamkan oleh Islam.

(Disusun oleh: Yahya Haji Abdullah)

Pertama:

Islam agama keamanan sejagat, persamaan hak asasi, dan keadilan seluruh manusia, sehingga kepada orang *kuffār* sekalipun, sebagaimana dinyatakan Allah ‘azza wa jalla:

“*Lā yanḥākumu Allāhu ‘ani alladhīna lam yuqātilūkum fī al-dīni wa lam yukhrijūkum min diyārikum an tabarrūhum wa tuqsīṭū ilayhim, innā Allāha yuḥibbu al-muqsīṭīn*”

“Allah tidak melarang kamu dari melakukan kebaikan dan berlaku adil terhadap mereka, yang tidak memerangi agama kamu dan tidak mengeluarkan kamu dari negeri kamu. Sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berlaku adil.” (*Sūrat al-Mumtaḥanah*: 8)

Islam juga mempunyai konsep kebebasan dan memberi sepenuh-penuh kemerdekaan berfikir, kemerdekaan memegang mana-mana ideologi atau akidah, menganut mana-mana agama sebagaimana keterangan al-Qur’ān:

“*Lā ikrāha fī al-dīn, qad tabayyana al-rushdu min al-ghayy*”.

Ertinya: “Tidak ada paksaan dalam agama, sesungguhnya sudah nyata pertunjuk daripada kesesatan” (*Sūrat al-Baqarah*: 256).

“*Fa man shā’a falyu’min wa man shā’a falyakfur*”.

Ertinya: “Barang siapa yang suka, maka berimanlah dia, dan barang siapa yang suka maka menjadi kafirlah dia.”

“*Qul ayyuhā al-kāfirūn!, lā a’budū mā ta’budūn, wa lā antum ‘ābidūna mā a’bud, wa ana ‘ābidun mā ‘abadūm, wa lā antum ‘ābidūna mā a’bud, lakum dīnukum wa liya dīn.*”

Ertinya: “Katakanlah! (Wahai Muḥammad): Hai sekalian orang yang kafir! Aku tidak akan menyembah tuhan yang kamu sembah dan tidak kamu akan menyembah Tuhan yang aku sembah, dan aku tidak pernah dari dahulu menyembah tuhan yang kamu sembah, dan tiada pula pernah kamu menyembah Tuhan yang aku sembah, bagi kamu agamamu dan bagi aku agamaku!” (*Sūrat al-Kāfirūn*).

Kesemuanya yang tersebut itu adalah menggambarkan ataupun memberi pengertian kepada kita bahawa pencerobohan, menggunakan kekuatan senjata, memaksa, dan mendudukkan sesuatu umat dengan kekuatan senjata bagi memaksa orang lain menganut agama Islam, atau menganut agama Allah adalah tiada sekali-kali wujud dan tiada diluluskan oleh Islam.

Kedua:

Tiada sampai kepada kita tarikh ataupun kejadian yang berlaku di permulaan Islam yang boleh menetapkan bahawa umat Islam berpegang kepada dasar perang dan serang. Atau kekuatan senjata bagi menyebarkan pengajaran Islam dan dasar-dasar agama Islam kepada manusia di seluruh rantau alam.

Peperangan Yang Diwajibkan Oleh Islam:

Boleh kita bahagikan peperangan yang pernah berlaku dan biasa berlaku di kalangan umat manusia kepada tiga bahagian:

1. Peperangan bagi mempertahankan keutuhan wilayah, atau bagi

¹ Perkataan sebenar ialah *Qul yā ayyuhā al-kāfirūn*.